



MANUAL

PELAKSANAAN EKSA (EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM) 2024

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan
PLAN Malaysia Kelantan

BAB 1 PENGENALAN EKSA

1.1 TUJUAN

Manual ini disediakan bagi memberi panduan kepada warga Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan (PLANMalaysia Kelantan) dalam melaksanakan EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) bagi menghasilkan persekitaran kerja yang bersih, kemas dan kondusif. Manual ini adalah sebagai piawaian tindakan kebersihan, kekemasan dan keselamatan secara minima sahaja namun pemakaiannya adalah tertakluk kepada kesesuaian kawasan ruang pejabat.

1.2 LATAR BELAKANG

EKSA diamalkan di sektor kerajaan untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat. Amalan ini dapat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal dan dengan itu mengurangkan pembaziran dari segi masa, ruang dan sebagainya, justeru menjimatkan kos operasi.

1.3 KONSEP 5S

Amalan 5S merupakan istilah asal dalam Bahasa Jepun, yang jika diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan membawa maksud seperti di bawah:

Bahasa Jepun	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris	Maksud	Contoh
Seiri	Sisih	Sort	Menyisih barang-barang yang tidak perlu. Mengasingkan dan melupuskan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja secara	Membuang Sampah.

			sistematik	
Seiton	Susun	<i>Set In Order</i>	Kekemasan: Menyusun barang-barang yang diperlukan secara kemas dan sistematik supaya mudah diambil dan dikembalikan di tempat asal selepas digunakan	Mencapai dokumen dalam tempoh 30 saat.
Seiso	Sapu	<i>Shine</i>	Pembersihan: Membersihkan dan memeriksa tempat kerja secara terperinci supaya tiada debu atau kotoran di atas lantai, peralatan dan persekitaran tempat kerja.	Tanggungjawab harian untuk pembersihan ruang dan peralatan kerja individu.
Seiketsu	Seragam	<i>Standardise</i>	Keseragaman: Mewujudkan piawaian amalan terbaik di tempat kerja dan memastikan piawaian tersebut dipatuhi di samping memastikan tempat kerja itu bersih dan teratur sepanjang masa.	Tempat penyimpanan peralatan dan dokumen yang jelas.
Shitsuke	Sentiasa Amal	<i>Sustain</i>	Disiplin: Melatih pekerja untuk mengamalkan sistem	Lakukan amalan 5S secara harian

			Amalan 5S secara berterusan supaya menjadi tabiat dan budaya kerja organisasi	
--	--	--	---	--

1.4 PENJENAMAAN SEMULA EKSA (EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM)

1.4.1 EKSA merupakan penjenamaan semula konsep amalan 5S oleh Pihak MAMPU untuk digunapakai dan diamalkan di sektor awam. Penjenamaan semula ini mula digerakkan pada tahun 2013 bertujuan untuk meningkatkan prestasi antara agensi kerajaan, mewujudkan identiti sendiri mengikut acuan tempatan, memperagakan imej baru agensi sektor awam, kekal relevan dan memenuhi keperluan semasa (penjimatan tenaga dan kitar semula).

1.4.2 Objektif penjenamaan semula EKSA adalah seperti berikut:

- i. Mewujudkan imej korporat di sektor awam
- ii. Menghasilkan persekitaran kerja yang kondusif
- iii. Merangsang kepelbagaian agensi
- iv. Memupuk kreativiti dan inovasi dikalangan warga kerja sektor awam
- v. Mempertingkatkan penjimatan tenaga serta kitar semula (*Go Green*)

BAB 2 PELAKSANAAN EKSA DI PLANMalaysia Kelantan

2.1 DASAR

EKSA sebagai perangsang transformasi persekitaran kerja yang sejahtera, sihat dan selamat demi menambahbaik kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang disampaikan.

2.2 VISI

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, warga kreatif dan berkualiti untuk meningkatkan produktiviti dan imej bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan melalui pembudayaan EKSA.

2.3 MISI

Menyemai budaya kreativiti, inovasi di kalangan warga PLANMalaysia Kelantan melalui pelaksanaan strategi dan perbelanjaan berhemah untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja kondusif dengan memberi perkhidmatan kepada pelanggan.

2.4 OBJEKTIF

- i. Memastikan persekitaran dan suasana kerja yang kondusif dan selamat.
- ii. Meningkatkan imej korporat jabatan.
- iii. Memupuk semangat kerja berpasukan, berdisiplin, kreatif dan inovatif serta komited di kalangan warga kerja
- iv. Meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam perkhidmatan untuk kepuasan pelanggan
- v. Menjimatkan kos operasi dan berhemah.
- vi. Menggalakan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau.

2.5 SLOGAN DAN LOGO EKSA

“Persekitaran Kondusif, Warga Kreatif, Inovatif dan Produktif”



Justifikasi Logo EKSA PLANMalaysia Kelantan:-

- Perkataan **EKSA** adalah singkatan kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam
- **JATA KELANTAN** adalah logo rasmi Kerajaan Negeri Kelantan
- **BANGUNAN** adalah melambangkan imej rasmi dan identiti PLANMalaysia Kelantan yang akan membantu Kerajaan Negeri Kelantan dalam Perancangan Pembangunan
- **DAUN** berwarna hijau adalah lambang komitmen Jabatan untuk melaksanakan agenda GO Green dan teknologi Hijau.

BAB 3**FAEDAH PELAKSANAAN EKSA**

Peningkatan Produktiviti dan keberkesanan
Pengurusan Organisasi

Meningkatkan mutu Penyampaian Perkhidmatan



Peningkatan Tahap Pengurusan Penyelenggaraan,
mengurangkan dan menghapuskan pembaziran

Mewujudkan Persekitaran tempat kerja yang
berkualiti (bersih, kemas dan rapi)



Menjana idea kreatif di kalangan warga kerja jabatan

Peningkatan Semangat Kerja sepasukan



Meningkatkan tahap disiplin warga kerja jabatan

BAB 4 JAWATANKUASA PELAKSANAAN AMALAN EKSA

PENGERUSI JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA

- Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA
- Menentukan pelan tindakan pelaksanaan EKSA
- Menetapkan dasar, peraturan serta garis panduan
- Menentukan belanjawan serta sumber-sumber kewangan
- Melantik penyelararas, ketua jawatankuasa kecil dan fasilitator
- Menetapkan sistem pengiktirafan/penghargaan
- Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan dengan bantuan jawatankuasa (Latihan, Promosi, Audit Dalam)
- Memantau Kemajuan Pelaksanaan EKSA melalui amalan terbaik

FASILITATOR EKSA

- Memberikan latihan dan panduan kepada ketua zon dan ahli
- Memastikan semua kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan
- Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana
- Menyelararas dan memantau aktiviti
- Menjadualkan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan
- Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan EKSA
- Membantu pengurusan aktiviti promosi, latihan dan audit
- Memberikan maklum balas mengenai status pelaksanaan EKSA kepada Pengerusi
- Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan

**PENYELARAS
DAN
SETIAUSAHA
EKSA**

- Menjadualkan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana EKSA
- Menyelaraskan program EKSA
- Melaporkan kemajuan dan status pelaksanaan EKSA
- Menyimpan rekod utama dan minit berkait dengan pelaksanaan EKSA
- Membantu pengurusan aktiviti promosi, latihan dan audit
- Menghebahkan maklumat terkini pelaksanaan EKSA dalam organisasi.

**JAWATANKUASA
PROMOSI EKSA**

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA.
- Memastikan pelaksanaan pelan promosi ke arah membina kesedaran EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi.
- Merancang dan memperuntukkan perbelanjaan bagi memastikan aktiviti promosi dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.
- Merancang dan menganjurkan pertandingan EKSA (kebersihan, poster, banner, dan lain-lain).
- Mencadangkan ganjaran yang bersesuaian kepada yang layak.
- Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA di kalangan warga kerja kepada Jawatankuasa Induk EKSA.

**JAWATANKUASA
LATIHAN EKSA**

- Mengenalpasti dan merancang program latihan dan kesedaran kepada warga PLANMalaysia Kelantan.
- Menyediakan pelan Latihan bagi memupuk kefahaman konsep dan EKSA kepada semua warga kerja PLANMalaysia Kelantan.
- Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari masa ke semasa bagi mengukuh aktiviti EKSA serta amalan peningkatan kualiti yang lain. (Keperluan latihan yang diperlukan boleh dirujuk kepada hasil keputusan audit aktiviti EKSA).
- Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberi peluang untuk menghadiri latihan.

**JAWATANKUASA
AUDIT**

- Menyediakan kriteria senarai semak proses audit dan garis panduan pelaksanaan audit.
- Melantik juruaudit dalaman EKSA.
- Merancang dan menentukan kekerapan aktiviti audit dalaman EKSA.
- Mencadangkan penambahbaikan terhadap kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti semasa proses audit.
- Melakukan pemeriksaan dan tindakan susulan jika perlu.
- Menyediakan laporan keseluruhan audit kepada Jawatankuasa Induk EKSA.
- Menyemak kriteria audit dari masa ke semasa mengikut keperluan.
- Memastikan aktiviti EKSA dijalankan secara sistematik dan berterusan.

KETUA ARAS

- Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan
- Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan aktiviti EKSA
- Merancang aktiviti aras.
- Memberi maklum balas mengenai status pelaksanaan EKSA kepada Mesyuarat Jawatankuasa Induk
- Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli kumpulan

AHLI KUMPULAN


- Memberikan komitmen secara berterusan dalam pelaksanaan EKSA
- Menyertai aktiviti EKSA secara aktif
- Bekerjasama dalam kumpulan
- Menghadiri mesyuarat dan menyumbangkan idea bagi menjayakan pelaksanaan EKSA



چرتا اور گائینسی

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA INDUK EKSA 2024

PLAN Malaysia Kelantan





چرتا اورگانيساسي

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA EKSA 2024 PLAN Malaysia Kelantan (ARAS BAWAH)



KETUA ARAS

Ts. SITI KHAIRUNNISAA BINTI CHE HASIM
Penolong Pengarah J41 (JBC)



SETIAUSAHA

NURUL ASYIKEEN BINTI SETAPA
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa JA29



AHLI JAWATANKUASA AUDIT

NOOR RITA BINTI MAT JUSOH
Penolong Pegawai Perancang
Bandar dan Desa JA29



AHLI JAWATANKUASA PROMOSI

NORMALA BINTI GHAZALI
Penolong Pegawai Perancang
Bandar dan Desa JA29



AHLI JAWATANKUASA LATIHAN

ILYANI BINTI CHE MOHAMED
Penolong Pegawai Perancang
Bandar dan Desa JA29



جايتن فرانيغن بندر دان ديسا نكري كلنتن
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN
(PLANMalaysia Kelantan)



چرتا اورگانيساسي

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA EKSA 2024 PLANMalaysia Kelantan (ARAS ATAS)



KETUA ARAS

SITI MANISAH BINTI ABU BAKAR

Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan JA36



SETIAUSAHA

NURUL ZAFIRAH BINTI YUSOF

Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa JA29



AHLI JAWATANKUASA AUDIT

NUR IZYAN BINTI ISMAIL

Pembantu Setiausaha N19



AHLI JAWATANKUASA PROMOSI

TUAN NOR EDORA BINTI TUAN AHMAD ZAHID

Pembantu Tadbir N19 (JBC)



AHLI JAWATANKUASA LATIHAN

NOOR ATHIAH BINTI SAIDI

Pembantu Tadbir (Kewangan) W19

BAB 5 PENUBUHAN ZON EKSA

5.1 PENUBUHAN ZON EKSA

Zon PLANMalaysia Kelantan juga dikenali sebagai Zon Bakawali hanya mempunyai tiga (3) aras sahaja iaitu:

- Aras Bawah (Bahagian Kawalan Pembangunan dan Bahagian Perancangan Pembangunan dan Projek Khas)
- Aras 1 (Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Perancangan Korporat dan Lembaga Rayuan)
- Aras 2 (Bilik Mesyuarat)

5.2 KOMPONEN EKSA

Penekanan terhadap pelaksanaan EKSA ini terbahagi kepada 6 komponen utama yang merangkumi keseluruhan persekitaran tempat kerja di PLANMalaysia Kelantan iaitu:

- i. Keperluan Utama Perlaksanaan
- ii. Ruang Tempat Kerja / Pejabat
- iii. Tempat Umum
- iv. Keselamatan Persekitaran
- v. Kawasan Persekitaran Fasiliti
- vi. Tempat Khusus

BAB 6 PELAKSANAAN EKSA

Pelaksanaan EKSA di PLANMalaysia Kelantan melibatkan perancangan yang rapi, pemantauan, penambahbaikan dan sentiasa amal yang berterusan. Kejayaan amalan ini adalah bergantung kepada penglibatan pihak pengurusan atasan sebagai pendorong serta Kerjasama dan komitmen semua warga organisasi.

6.1 PELAKSANAAN EKSA PERLU MELALUI LANGKAH-LANGKAH

LANGKAH 1: PEMBENTUKAN JAWATANKUASA PELAKSANA AMALAN EKSA

1. Objektif pembentukan Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA ialah untuk meningkatkan penyertaan semua peringkat warga PLANMalaysia Kelantan dalam melaksanakan Amalan EKSA di samping mewujudkan budaya penambahbaikan berterusan serta semangat kerja berkumpulan ke arah mencapai prestasi dan budaya kerja yang cemerlang.
2. Struktur Pelaksanaan Amalan EKSA:
 - i. Tanggungjawab Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA hendaklah menyeluruh dan setiap ahli jawatankuasa dan ahli hendaklah menjalankan peranan masing-masing.
 - ii. Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana EKSA bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan Amalan EKSA dijalankan sebaiknya.
 - iii. Struktur dan tanggungjawab bagi pelaksanaan Amalan EKSA Jabatan adalah seperti contoh carta organisasi.

LANGKAH 2: MEWUJUDKAN ZON AMALAN EKSA

1. Tujuannya adalah untuk mewujudkan kawasan tanggungjawab kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan pengawasan amalan EKSA.

2. Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Amalan EKSA Jabatan dengan kerjasama penyelarar dan fasilitator amalan EKSA akan menentukan zon yang bersesuaian.
3. Pembahagian zon hendaklah dijelaskan dengan mewujudkan pelan lokasi zon bagi memudahkan rujukan.
4. Antara faktor yang perlu diambilkira dalam pembahagian zon:
 - i. Susun atur keseluruhan zon dan pembahagian kepada zon kecil hendaklah bersesuaian mengikut fungsi dan saiz organisasi (dicadangkan jumlah zon tidak terlalu banyak bagi memudahkan penyelarasan dan pemantauan yang lebih sistematik dilaksanakan).
 - ii. Menentukan nama kumpulan untuk setiap zon dan jumlah keahlian kumpulan bagi setiap zon.
 - iii. Mewujudkan sudut EKSA dengan mempamerkan struktur kumpulan dan zon masing-masing dengan mengambil kira hala tuju amalan EKSA. Zon di Jabatan haruslah berdasarkan aras/tingkat atau yang mana bersesuaian.

LANGKAH 3: LATIHAN AMALAN EKSA

1. Tujuan latihan amalan EKSA adalah untuk mendalami pengetahuan berkaitan amalan EKSA disamping untuk membudayakan amalan EKSA kepada semua warga kerja di setiap jabatan.
2. Antara latihan/program yang perlu diikuti bagi meningkatkan kefahaman:
 - i. Program Kesedaran Amalan EKSA
 - ii. Kaedah Amalan dan Pelaksanaan Amalan EKSA
 - iii. Audit Dalaman Amalan EKSA

LANGKAH 4: PELANCARAN AMALAN EKSA

1. Pelancaran dan perasmian amalan EKSA boleh diadakan sebagai tanda permulaan di samping untuk menyampaikan hasrat dan sokongan pengurusan bagi melaksanakan amalan EKSA.
2. Pihak pengurusan perlu terlibat secara langsung serta memberikan komitmen dan sokongan padu kepada pelaksanaan Amalan EKSA melalui penetapan sasaran yang ingin dicapai, dasar dan objektif amalan EKSA dan juga menentukan matlamat setiap Langkah pelaksanaan.
3. Antara perkara yang perlu diberikan penekanan semasa pelancaran Amalan EKSA adalah seperti berikut:
 - i. Dasar Amalan EKSA
 - ii. Zon-zon EKSA
 - iii. Objektif Amalan EKSA
 - iv. Pelan Tindakan Pelaksanaan Amalan EKSA
 - v. Buku Panduan Pelaksanaan Amalan EKSA

BAB 7 AUDIT DALAM EKSA

Audit dalaman amalan EKSA perlu dilaksanakan di Jabatan sebagai penilaian sendiri pelaksanaan amalan EKSA. Audit dalaman perlu dijadualkan secara berkala untuk memastikan setiap Jabatan/Agensi membuat penambahan secara berterusan.

7.1 TATACARA AUDIT DALAMAN

LANGKAH 1: MEMBENTUK PASUKAN AUDIT

Jawatankuasa pelaksanaan amalan EKSA perlu mengenalpasti, melatih dan melantik juru audit untuk melaksanakan aktiviti audit dalaman amalan EKSA di Jabatan/Agensi. Jawatankuasa pelaksana ini juga perlu:

- i. Menyediakan kriteria audit dalaman Amalan EKSA
- ii. Menentukan kekerapan aktiviti audit dalaman Amalan EKSA

LANGKAH 2: LATIHAN AUDIT AMALAN EKSA

Pasukan audit dalaman amalan EKSA hendaklah diberi latihan untuk memastikan urusan audit dalaman amalan EKSA dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

LANGKAH 3: MENGAUDIT PRESTASI AMALAN EKSA

Pasukan audit dalaman akan menjalankan audit dalaman seperti yang telah dijadualkan oleh Jawatankuasa Pelaksana.

LANGKAH 4: MENGUMUMKAN PENEMUAN AUDIT

Mengikut amalan EKSA, Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalamannya hendaklah melaporkan penemuan audit dalaman kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA Jabatan bagi dimaklumkan kepada semua warga kerja Jabatan.

BAB 8 STANDARD PENYERAGAMAN EKSA

CIRI-CIRI AMALAN BAIK EKSA




Setiap Jabatan melaksanakan pelbagai ciri-ciri dan teknik amalan baik EKSA mengikut ruang dan persekitaran kerja Jabatan. Berikut adalah contoh-contoh amalan baik EKSA yang boleh dipraktikkan di tempat kerja mengikut kesesuaian persekitaran kerja Jabatan.

8.1 SUDUT EKSA



Sudut EKSA perlu disediakan bagi memberi maklumat terkini berkaitan amalan EKSA kepada warga jabatan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan amalan EKSA. Sudut EKSA dicadangkan mengandungi perkara-perkara berikut:

- Polisi / Objektif / Matlamat Amalan EKSA
- Carta Organisasi Induk Amalan EKSA
- Carta Perbatuan / *Gantt Chart*
- Peta Lokasi / Pelan Lantai
- Rekod Aktiviti (gambar) Sebelum dan Selepas Pelaksanaan sesuatu Amalan EKSA

- vi. Slogan Amalan EKSA
- vii. Logo Amalan EKSA
- viii. Maklumat bagi Tujuan Promosi Amalan EKSA di Jabatan
- ix. Tarikh Kemaskini.



Contoh Sudut EKSA (yang dipamerkan pada dinding/papan kenyataan)



**Sudut EKSA hendaklah berimej korporat (objek hiasan yang tidak keterlaluan atau berlebihan) **


8.2 BILIK PEGAWAI DAN RUANG KERJA KAKITANGAN

1. Dinding dan lantai bilik pegawai dan ruang kerja kakitangan sentiasa berada dalam keadaan bersih.
2. Tanda nama dan jawatan pegawai atau kakitangan diletakkan di ruang pintu bilik pegawai atau partition mengikut kesesuaian.
3. Status pergerakan pegawai dan kakitangan dipamerkan di hadapan bilik pegawai atau *partition*.



4. Hiasan yang disediakan adalah bersesuaian dan mempamerkan imej korporat
5. Senarai asset alih kerajaan (Kew-PA 7) dipaparkan di bilik pegawai atau partition.
6. Dibahagian atas meja
 - Satu (1) *tray* surat (jika ada) dan dilabelkan masuk atau keluar.
 - Satu (1) sudut mini dengan 5 barangan peribadi dibenarkan.
 - Telefon dan buku direktori (*Optional*)
 - Fail-fail aktif/diari/organizer dan peralatan hendaklah disusun dengan kemas dan teratur setiap masa.


- Alat tulis hendaklah berada di dalam laci meja atau bekas alat tulis (maksimum 5 item) di atas meja
 - Susunan komputer, CPU dan *Printer* hendaklah selari (mengikut kesesuaian dan keselesaan) dan tidak berhabuk.
 - *Wallpaper* dan *screen saver desktop* komputer atau komputer riba boleh di seragamkan dengan logo EKSA atau imej korporat Jabatan.
7. Dibahagian Bawah meja
- Tempat berlabel khas bakul sampah dan kasut/selipar.
 - Wayar/kabel (untuk ICT dan elektrik) perlu dikemaskan dengan menggunakan bahan-bahan yang sesuai seperti *black tape/cable casing*.
8. Laci
- Susunan laci meja adalah seragam dan dilabelkan dengan kemas.
 - Sekiranya pegawai dibekalkan dengan meja jenis 3 laci, penggunaan ruang laci adalah seperti berikut: -
 - Laci Atas – Alat Tulis dan dikhaskan penggunaanya kepada alat tulis dan disusun kemas mengikut kreativiti pegawai dan kakitangan
 - Laci Tengah – Dokumen atau bahan rujukan seperti diari, planner dan buku catatan
 - Laci Bawah – Peribadi seperti bag tangan, dompet, telefon bimbit dan lain-lain.
9. Sekiranya pegawai dibekalkan kabinet fail, ia perlu dilabelkan dengan kemas dan teratur.
10. Kerusi tetamu dan kerusi kerja disusun rapi ketika tidak digunakan.
11. Jaket/Blazer dan tali leher yang tidak dipakai digantung dengan kemas pada stool hanger (maks 3 tali leher yang dibenarkan) atau di tempat yang bersesuaian.



Pelan Susun Atur Meja Pegawai / Kakitangan



Ruang kerja di Bilik Pegawai



Ruang Kerja Kakitangan


8.3 BILIK MESYUARAT ADENIUM

1. Bilik mesyuarat sentiasa berkeadaan bersih dan kemas.
2. Peralatan dan kemudahan dalam bilik mesyuarat sentiasa dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan.
3. Peralatan mempunyai sistem inventori dan penyelenggaraan.
4. Maklumat berkaitan mesyuarat dipamerkan di pintu masuk bilik mesyuarat contoh: Penggunaan papan tanda (*slot in board*).
5. Barang-barang elektronik seperti LCD Projektor, mikrofon dan suis hendaklah ditutup (*off*) sebelum meninggalkan bilik mesyuarat.
6. Pegawai bertugas boleh dilantik bagi memantau kebersihan dan kekemasan bilik mesyuarat.



8.4 KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN DAN RUANG MENUNGGU

1. Kaunter khidmat pelanggan sentiasa bersih, kemas dan tersusun.
2. Gegantung Ingat Amalan EKSA diletakkan di Lobi jabatan.
3. Tempat duduk di sediakan di ruang menunggu untuk kemudahan pelanggan/tetamu luar.
4. Peralatan/kemudahan/perabot di ruang menunggu di susun dengan teratur dan berada dalam keadaan baik.
5. Kawasan persekitaran ruang menunggu tetamu sentiasa bersih dan kemas.
6. Kemudahan tanda arah/petunjuk di pameran dengan jelas di kawasan yang mudah dilihat.
7. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan kaunter khidmat pelanggan dan ruang menunggu.



8.5 BILIK THUNBERGIA (BILIK FAIL)

1. Pelan susun atur pelan lantai bilik fail boleh disediakan dan dipamerkan di ruang yang mudah dilihat.
2. Kabinet fail dilabelkan mengikut jenis dokumen dan nombor indek atau rujukan.
3. Fail disusun dengan kemas dan teratur mengikut turutan nombor siri fail dan boleh dicapai dalam tempoh masa 30 saat.
4. Fail disusun semula di tempat asal selepas digunakan.
5. Fail-fail terperingkat yang digunakan disimpan di dalam kabinet besi berpaling. Indeks bagi fail-fail terperingkat tidak dilekatkan di luar kabinet.
6. Sistem pergerakan fail boleh diwujudkan bagi tujuan pengesahan fail yang sedang digunakan (contoh: kad daftar pengguna dan kad keluar masuk fail).
7. Senarai nama pegawai yang mengendalikan fail berperingkat dipamerkan.
8. Tangga mudah alih, troli dan kerusi berada dalam keadaan baik dan diletakkan di tempat khas.
9. Kawalan makhluk atau haiwan perosak dilaksanakan secara berjadual.
10. Kawalan susun atur kabinet besi
 - Lokasi kabinet yang mengandungi dokumen yang kerap digunakan perlu diletakkan di aras satu dan aras bawah.
 - Terdapat indeks kandungan dokumen & tampal di hadapan dan perlu dikemaskini dari semasa ke semasa.
11. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi menguruskan bilik fail.



8.6 BILIK BOUGAINVILLEA JKMPPP (JAWATANKUASA KAWAL SELIA MERANCANG DAN MENYELARAS AKTIVITI PEMAJUAN PROJEK PEMBANGUNAN)

1. Bilik JKMPPP sentiasa bersih, kemas dan tersusun.
2. Kabinet atau rak fail dilabelkan mengikut jenis dokumen dan nombor indeks atau rujukan.
3. Fail disusun dengan kemas dan teratur mengikut turutan nombor siri fail dan boleh dicapai dalam tempoh masa 30 saat.
4. Peralatan/kemudahan/perabot di ruang menunggu di susun dengan teratur dan berada dalam keadaan baik.
5. Kemudahan tanda arah/petunjuk di pameran dengan jelas di kawasan yang mudah dilihat.
6. Senarai nama pegawai yang mengendalikan fail berperingkat dipamerkan.
7. Kawalan makhluk atau haiwan perosak dilaksanakan secara berjadual.
8. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan Bilik JKMPPP.

8.7 PANTRI

1. Pantri sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas serta bebas daripada serangga/makhluk perosak dan bau yang tidak menyenangkan.
2. Semua peralatan/perabot dan perkakas di susun dengan kemas dan teratur setelah digunakan.
3. Perkakas/alatan yang disimpan di dalam kabinet/almari/rak dilabelkan dengan nama perkakas dan diseragamkan mengikut kesesuaian.
4. Tong sampah disediakan dan ditutup supaya tidak berbau.
5. Pegawai bertanggungjawab dilantik bagi memantau dan menjaga kebersihan bilik gunasama ini.

8.8 BILIK Pengerusi LEMBAYA RAYUAN NEGERI KELANTAN

1. Bilik ini hendaklah sentiasa bersih, kemas dan tersusun.
2. Dinding dan lantai bersih, tidak berdebu dan sentiasa bersih.
3. Kabinet atau rak fail (sekiranya ada) dilabelkan mengikut jenis dokumen dan nombor indeks atau rujukan.
4. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan bilik ini.

8.9 BILIK ALAMANDA (BILIK OPERASI JPN DAN FOTOSTAT)

1. Bilik gunasama antara Operasi JPN dan fotostat hendaklah sentiasa bersih, kemas dan teratur.
2. Manual penggunaan mesin fotostat perlu dipamerkan dan mudah untuk dibaca dan difahami.
3. Kabinet atau rak fail (sekiranya ada) dilabelkan mengikut jenis dokumen dan nombor indeks atau rujukan
4. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan Bilik Alamanda.

8.10 BILIK BEAUMONTIA (BILIK PLOTTER DAN SERVER)

1. Bilik Plotter dan server perlulah sentiasa bersih, tidak berdebu, kemas dan tersusun.
2. Manual penggunaan Plotter perlu dipamerkan dan mudah untuk dibaca dan difahami.
3. Pegawai bertanggungjawab dilantik bagi memantau dan menjaga kebersihan bilik gunasama ini.

8.11 BILIK BACAAN (PERPUSTAKAAN)

1. Bilik Bacaan sentiasa bersih, kemas dan tersusun.
2. Kabinet atau rak buku dilabelkan mengikut jenis buku dan bahan rujukan.
3. Hiasan bilik mestilah berimejkan korporat dan diselenggara secara berkala.
4. Etika pengguna bilik bacaan perlu dipamerkan dengan jelas dan mudah difahami.
5. Kawalan makhluk atau haiwan perosak dilaksanakan secara berjadual.
6. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan Bilik Bacaan.

8.12 SURAU

1. Surau sentiasa bersih, kemas dan tersusun.
2. Kabinet dilabelkan berdasarkan bahan yang disimpan di ruang kabinet.
3. Petunjuk arah kiblat dan jadual waktu solat dipamerkan dengan jelas.
4. Kain sembahyang perlu dilipat, dimasukkan kedalam bag kecil dan disusun dengan kemas.
5. Hiasan bilik solat dihias dengan hiasan yang ringkas.
6. Etika penggunaan surau perlu dipamerkan dengan jelas dan mudah difahami.
7. Kawalan makhluk atau haiwan perosak dilaksanakan secara berjadual.
8. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan Surau.

8.13 BILIK AKASIA (BILIK ASET)

1. Bilik Aset sentiasa bersih, kemas dan tersusun.
2. Kabinet dan rak dilabelkan berdasarkan bahan yang disimpan di ruang kabinet dan rak.
3. Memastikan peralatan yang kerap diambil berada di ruang atau aras yang mudah diambil.
4. Penyediaan borang atau kad stok mengikut aras.
5. Kawalan makhluk atau haiwan perosak dilaksanakan secara berjadual.
6. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan Bilik Aset.

8.14 TANDAS

1. Keseluruhan ruang tandas termasuk lantai, dinding sentiasa dalam keadaan bersih.
2. Peralatan/kelengkapan seperti tempat sampah, tisu dan bekas cecair sabun disediakan di dalam tandas.
3. Semua lampu tandas sentiasa berfungsi dengan baik.
4. Sinki dan mangkuk tandas sentiasa berkeadaan bersih, tidak tersumbat dan paip air berfungsi dengan baik.
5. Arahan atau kaedah penggunaan peralatan di dalam tandas dipamerkan dengan jelas mengikut kesesuaian.
6. Pegawai bertanggungjawab boleh dilantik bagi memantau kebersihan tandas.

8.15 GO GREEN

1. Melalui penjenamaan semula EKSA, *Go Green* telah diperkenalkan dengan mewujudkan aktiviti ke arah persekitaran hijau.
2. Menjimatkan penggunaan air.
3. Menjimatkan penggunaan elektrik.
4. Menjimatkan penggunaan kertas.
5. Penetapan suhu optimum untuk penghawa dingin.
6. Penggunaan lampu/peralatan save energy.
7. Kitar semula barangan terpakai seperti kertas, kotak dan botol minuman.
8. Menyediakan sudut kitar semula.
9. Aktiviti go green memberi pelbagai faedah seperti:
10. Mengurangkan kos perbelanjaan



Tong Kitar Semula



Perlabelan Penjimatan Tenaga

8.14 KESELAMATAN PERSEKITARAN

Langkah-langkah keselamatan berikut perlu diambil bagi menjamin suasana kerja yang selamat: -

1. Laluan utama tidak dihalang dengan barang-barang atau peralatan yang tidak diperlukan.
2. Pintu rintangan api dan pintu kecemasan hendaklah sentiasa ditutup dan tidak dihalang.
3. Pendawaian elektrik/telefon/label computer dalam keadaan kemas, teratur dan tidak berserabut.
4. Pendawaian tambahan boleh dibuat setelah mendapat kebenaran.
5. Tanda amaran keselamatan yang dipamerkan hendaklah jelas (contoh Dilarang Merokok, KELUAR dan AWAS)
6. Tangga laluan kecemasan tidak dihalang
7. Aktiviti Merokok tidak dibenarkan di persekitaran luaran dan dalaman pejabat (contoh Pantri, bilik fail, bilik asset, bilik air, ruang tangga, ruang awam dan sebagainya)
8. Alat pemadam api mestilah berfungsi, mempunyai jadual penyelenggaraan, keadaan bersih dan diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah dicapai.
9. Alat pemadam api yang mematuhi kriteria berikut: -
 - Mempunyai sijil yang masih berkuatkuasa dari pihak BOMBA
 - Prosedur operasi hendaklah diletakkan bersebelahan alat pemadam api
 - Digantung pada 'bracket' yang dipasang didinding.
10. Sebarang peralatan yang didapati rosak hendaklah dilapor dan diselenggarakan dengan segera.
11. Pencahayaan persekitaran yang mencukupi.
12. Peti Pertolongan Cemas disediakan disetiap zon dan penyediaan ubat-ubatan hanya untuk kegunaan luaran sahaja.

PENUTUP

Manual EKSA ini bertujuan untuk menyediakan panduan kepada warga PLANMalaysia Kelantan dalam pengurusan persekitaran kerja yang bersih, selesa serta selamat. Melalui EKSA, warga PLANMalaysia Kelantan secara bersama akan membina disiplin dan etika kerja yang baik bagi menghasilkan prestasi kerja yang berkualiti. EKSA juga memupuk semangat kerja berpasukan dan saling membantu bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan PLANMalaysia Kelantan kepada pelanggan dan seterusnya membawa kepada peningkatan imej jabatan ini. Oleh itu, diharap panduan ini dapat membantu dalam melaksanakan pengurusan persekitaran yang berkualiti.

LAMPIRAN A



KRITERIA AUDIT

KOMPONEN D

KESELAMATAN PERSEKITARAN		1	2	3	4	5	MARKAH
D1) Pelan Tindakan Kecemasan							
1	Menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan yang mengandungi: i. Arahan Keselamatan. ii. Latihan pengungsian bangunan, iaitu Latihan Kebakaran (<i>fire-drill</i>). iii. Tanda Amaran. iv. Pelan laluan kecemasan dan tempat berkumpul. v. Tanda arah laluan kecemasan.	Tiada Pelan Tindakan Kecemasan	Pelan Tindakan Kecemasan mengandungi dua kriteria yang disyorkan	Pelan Tindakan Kecemasan mengandungi tiga kriteria yang disyorkan	Pelan Tindakan Kecemasan mengandungi empat kriteria yang disyorkan	Pelan Tindakan Kecemasan mengandungi kesemua kriteria yang disyorkan	
2	Menyediakan lampu kecemasan yang mudah dilihat, berfungsi dengan baik dan tiada halangan.	Tiada lampu kecemasan		Ada lampu kecemasan dan berfungsi tetapi terhalang		Ada lampu kecemasan, berfungsi dan tidak terhalang	
D2) Pendawaian/Kabel							
3	Memastikan pendawaian elektrik/telefon/kabel komputer/mesin/peralatan dalam keadaan kemas, teratur dan selamat.	Pendawaian dalam keadaan tidak kemas, tidak teratur dan tidak selamat		Sebahagian pendawaian dalam keadaan kemas, teratur dan selamat		Semua pendawaian dalam keadaan kemas, teratur dan selamat	
4	Memastikan plag dilabelkan mengikut kesesuaian peralatan eletrik yang digunakan.	Plag tidak dilabelkan				Plag dilabelkan	
D3) Peralatan Pencegahan Kebakaran							
5	Memastikan alat pemadam api menepati kriteria yang berikut: i. Penyelenggaraan secara berkala ii. Mempunyai tata cara Penggunaan iii. Berkeadaan bersih iv. Diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah dicapai	Tiada alat pemadam api disediakan		Alat pemadam api menepati sebahagian kriteria yang disyorkan		Alat pemadam api menepati kesemua kriteria yang disyorkan	
6	Memastikan gelung hos pemadam api disediakan dan boleh digunakan.	Tiada gelung hos pemadam api disediakan		Gelung hos pemadam api disediakan tetapi tidak boleh digunakan		Gelung hos pemadam api disediakan dan boleh digunakan	
7	Memastikan pili bomba tidak dihalang dan dalam keadaan baik	Terdapat halangan				Tiada halangan	
D4) Laluan/Tangga Kecemasan							

8	Memastikan pintu rintangan api sentiasa ditutup	Tidak ditutup				Ditutup	
9	Memaparkan tanda arah KELUAR dengan jelas.	Tiada tanda arah KELUAR yang jelas		Sebahagian tanda arah KELUAR dipaparkan dengan jelas		Semua tanda arah KELUAR dipaparkan dengan jelas	
10	Memastikan tiada halangan di laluan/tangga/pintu kecemasan.	Terdapat halangan di laluan/tangga kecemasan				Tiada halangan di laluan/tangga kecemasan	

D5) Kunci							
11	Memastikan anak kunci dilabelkan/ditandai dan memenuhi tatacara keselamatan.	Anak kunci tidak dilabelkan/ditandai		Anak kunci dilabelkan/ditandai tetapi tidak memenuhi tatacara keselamatan		Anak kunci dilabelkan/ditandai dan memenuhi tatacara keselamatan	
12	Memastikan anak kunci disimpan di dalam ruang penyimpanan yang selamat.	Anak kunci tidak disimpan di dalam peti keselamatan				Anak kunci disimpan di dalam peti keselamatan	
13	Memastikan senarai anak kunci disimpan dengan selamat oleh pegawai bertanggungjawab.	Senarai anak kunci tidak disimpan				Senarai anak kunci disimpan dengan selamat	
14	Menyediakan buku log peminjaman kunci dan dikemas kini.	Buku log peminjaman kunci tidak disediakan		Buku log peminjaman kunci disediakan tetapi tidak dikemas kini		Buku log peminjaman kunci disediakan dan dikemas kini	
JUMLAH SKOR (KOMPONEN D)							
Jumlah Markah : /70 X 100% = % (Jumlah Markah Diperoleh Dibahagi dengan Jumlah Markah Penuh bagi Semua Kriteria yang Berkaitan X 100%)							

KOMPONEN GENERIK

KOMPONEN A

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN		1	2	3	4	5	MARKAH
A1) Dasar EKSA							
1	Menyediakan Garis Panduan selaras dengan Dasar EKSA agensi.	Garis panduan tidak disediakan		Garis panduan disediakan kepada sebahagian warga agensi		Garis panduan disediakan kepada semua warga agensi	
2	Menyebarkan Dasar dan Garis Panduan EKSA serta memastikan semua warga kerja memahaminya.	Dasar dan Garis Panduan EKSA tidak disebarkan		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarkan dan difahami oleh sebahagian warga		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarkan dan difahami oleh semua warga	
3	Memastikan EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga agensi.	EKSA tidak diamalkan dan dipatuhi oleh warga agensi		EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh sebahagian warga agensi		EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga agensi	
4	Memastikan dokumentasi berkaitan pelaksanaan EKSA disusun dengan teratur dan sentiasa dikemas kini termasuk perkara yang berikut: i. Minit mesyuarat ii. Surat lantikan Jawatankuasa iii. Laporan aktiviti Jawatankuasa	Dokumentasi tidak teratur dan tidak dikemas kini		Sebahagian dokumentasi teratur dan dikemas kini		Semua dokumentasi teratur dan dikemas kini	
5	Mewujudkan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti ketetapan agensi/garis panduan yang dibangunkan oleh agensi.	Tiada keseragaman		Keseragaman pada sebahagian agensi		Keseragaman pada keseluruhan agensi	
6	a) Menyediakan dan memaparkan SUDUT EKSA di tempat yang strategik (secara maya atau fizikal) dan mengandungi perkara seperti yang berikut: i. Dasar EKSA agensi ii. Carta organisasi iii. Gambar aktiviti SEBELUM dan SELEPAS iv. Pelan lantai v. Carta Perbatuan semasa vi. Informasi/hebahan vii. Tarikh kemas kini sudut EKSA b) Memastikan maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemaskini dan dalam keadaan baik.	Sudut EKSA tidak disediakan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi dua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi tiga hingga empat perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan serta dipaparkan secara kreatif dan inovatif	
		Tidak terkini dan tidak berada dalam keadaan baik		Sebahagian sahaja yang terkini dan dalam keadaan baik		Terkini dan berada dalam keadaan baik	

A2) Jawatankuasa Pelaksana EKSA							
